

BAB IV

ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 PENDAHULUAN

Bab ini bertujuan untuk menghuraikan dapatan kajian berdasarkan analisis data terhadap soalan soal selidik yang telah dijawab oleh subjek kajian. Dapatan kajian dipersembahkan selaras dengan objektif kajian dan dihuraikan mengikut pecahan tajuk yang terdiri daripada latar belakang sampel kajian, tahap stail kepemimpinan yang diamalkan oleh pengetua daripada aspek kepemimpinan menyokong, mengarah, penyertaan dan berorientasikan pencapaian, dan perbezaan persepsi guru-guru terhadap stail kepemimpinan pengetua di sekolah menengah kebangsaan sekitar Daerah Kota Setar mengikut jantina, kelulusan akademik, jawatan, peringkat umur dan pengalaman mengajar.

4.2 ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN

4.2.1 Latar Belakang Sampel Kajian

Kajian ini telah dijalankan terhadap 140 orang guru di tiga buah sekolah menengah sekitar Daerah Kota Setar, Kedah. Taburan maklumat tentang latar belakang sampel kajian adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.1.

Jadual 4.1 : Taburan Sampel Kajian Mengikut Pembolehubah Latar Belakang

Pembolehubah	Kekerapan	Peratus
1. Jantina - lelaki - Perempuan	61 79	43.6 56.4
2. Kelulusan Akademik - Siswazah - Bukan Siswazah	79 61	56.4 43.6
3. Jawatan yang disandang - Guru Penolong - Bidang Pengurusan	100 40	71.4 28.6
4. Peringkat Umur - Bawah 25 tahun - 25 - 30 tahun - Melebihi 30 tahun	31 39 70	22.1 27.9 50.0
5. Pengalaman Mengajar - Kurang 1 tahun - 1 - 5 tahun - Melebihi 5 tahun	36 26 78	25.7 18.6 55.7

Jadual 4.1 di atas menunjukkan taburan sampel kajian mengikut latar belakang. Berdasarkan jadual tersebut, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat 56.4% sampel kajian terdiri daripada *guru perempuan* dan 43.6% adalah *guru lelaki*. Daripada segi kelulusan akademik, guru siswazah mencatat lebihan peratusan berbanding dengan guru bukan siswazah sebanyak 12.8%. Peratusan guru *siswazah* adalah 56.4% dan guru *bukan siswazah* mencatat nilai 43.6%.

Bacaan berdasarkan jawatan yang disandang diklasifikasi kepada pihak yang terlibat dalam bidang pengurusan sekolah dan guru penolong. Sampel kajian yang terlibat dalam *bidang pengurusan* mencatat peratusan yang lebih rendah iaitu 28.6% , manakala *guru penolong* sebanyak 71.4%. Peringkat umur diagih kepada tiga peringkat. Peratus sampel kajian yang tertinggi mewakili mereka yang berumur *melebihi 30 tahun* iaitu 50.0% , diikuti oleh sampel kajian yang berumur antara *25 - 30 tahun* sebanyak 27.9% , dan mereka yang berumur di *bawah 25 tahun* mencatat peratus terkecil iaitu 22.1%. Manakala berdasarkan pengalaman mengajar pula, agihan juga diklasifikasi kepada tiga kumpulan sampel yang berpengalaman kurang dari 1 tahun, antara 1 - 5 tahun , dan melebihi 5 tahun. Sampel kajian antara *1 - 5 tahun* mencatat peratus terendah iaitu hanya 18.6%. Sampel kajian *kurang dari 1 tahun* sebanyak 25.7%, dan *melebihi 5 tahun* mencatat peratus tertinggi dalam kumpulan ini iaitu sebanyak 55.7%.

4.2.2 Tahap Stail Kepemimpinan Pengetua

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap stail kepemimpinan yang diamalkan oleh pengetua di sekolah menengah sekitar Daerah Kota Setar. Stail kepemimpinan terdiri daripada empat dimensi iaitu *menyokong, mengarah, penyertaan dan berorientasikan pencapaian*. Data dianalisis dengan menggunakan statistik *min* dan *sisihan piawai*. Interpretasi data dibuat dengan menggunakan permeringkatan min skor. Min skor 1.00 hingga 2.33 dikategorikan sebagai tahap stail kepemimpinan yang rendah. Min skor 2.34 hingga 3.67 sebagai tahap sederhana. Manakala min skor 3.68 hingga 5.00 sebagai tahap

kepemimpinan yang tinggi. Analisis min skor tahap stail kepemimpinan pengetua ditunjukkan dalam Jadual 4.2 di bawah.

Jadual 4.2 : Min Skor Tahap Kepemimpinan Pengetua

Dimensi	Min Skor	Sisihan Piawai	Tahap Stail Kepemimpinan
Menyokong	3.78	0.71	Tinggi
Mengarah	3.13	0.48	Sederhana
Penyertaan	3.53	0.50	Sederhana
Berorientasikan Pencapaian	4.05	0.45	Tinggi
Purata	3.62	0.35	Sederhana

Jadual 4.2 menunjukkan min skor tahap kepemimpinan pengetua mengikut dimensi dan juga secara keseluruhan dimensi. Berdasarkan jadual tersebut, dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kepemimpinan pengetua dimensi *berorientasikan pencapaian dan menyokong* berada pada tahap *tinggi* (*min skor 4.05 dan 3.78*). Manakala kepemimpinan dimensi *penyertaan dan mengarah* berada pada tahap *sederhana* (*min skor 3.53 dan 3.13*). Purata *min skor* secara keseluruhan dimensi berada pada tahap *sederhana* iaitu *3.62*.

4.2.3 Perbezaan Persepsi Terhadap Stail Kepemimpinan Pengetua

Kajian ini juga bertujuan untuk meninjau perbezaan persepsi guru-guru terhadap stail kepemimpinan pengetua. Perbezaan persepsi adalah daripada segi *jantina, kelulusan akademik, jawatan, umur dan pengalaman mengajar.*

a) **Perbezaan Persepsi Terhadap Stail Kepemimpinan Pengetua Mengikut Jantina**

Analisis data menggunakan statistik *ujian-t*. Aras signifikanan ditetapkan pada alpha = 0.05. Hipotesis Null yang diuji adalah merujuk kepada hipotesis induk Ho 1 dan hipotesis kecil Ho 1 (a), Ho 1 (b), Ho 1 (c), dan Ho 1 (d) yang secara terperinci merujuk kepada huraiian Hipotesis Kajian dalam bab 1, perkara 1.6, muka surat 18.

Merujuk jadual 4.3, dimensi kepemimpinan *menyokong* di dapati min skor guru lelaki adalah lebih tinggi (min = 39.18), berbanding dengan min skor guru perempuan (min = 36.65). Terdapat perbezaan min sebanyak 2.53. Berdasarkan analisis ujian-t menunjukkan *wujud perbezaan persepsi yang signifikan* iaitu nilai $t = 2.11$ dan $p = 0.036$ (Nilai $t > 1.96$ dan $p < 0.05$). Oleh itu, hipotesis *Ho 1 (a) ditolak*. Ini menunjukkan bahawa *terdapat perbezaan persepsi* di kalangan guru lelaki dan guru perempuan terhadap stail kepemimpinan pengetua bagi dimensi *menyokong*.

Bagi dimensi kepemimpinan *mengarah*, analisis ujian-t mendapati bahawa *tidak terdapat perbezaan persepsi yang signifikan* di antara guru lelaki dan guru perempuan. Catatan bacaan nilai $t = -0.76$ dan $p > 0.05$. Oleh itu, hipotesis *Ho 1(b)* diterima. Ini bermakna *tidak terdapat perbezaan persepsi* terhadap stail kepemimpinan bagi dimensi *mengarah* di kalangan guru lelaki dan perempuan.

Dimensi kepemimpinan *penyertaan*, analisis ujian-t mendapati bahawa *tidak terdapat perbezaan persepsi yang signifikan* di antara guru lelaki dan guru perempuan (nilai $t = 1.91$ dan $p > 0.05$). Oleh itu, hipotesis *Ho 1(c)* diterima. Ini bermakna *tidak terdapat perbezaan persepsi* terhadap stail kepemimpinan bagi dimensi *penyertaan* di kalangan guru lelaki dan perempuan.

Manakala bagi dimensi *berorientasikan pencapaian*, analisis ujian-t mendapati bahawa *tidak terdapat perbezaan persepsi yang signifikan* di antara guru lelaki dan perempuan (nilai $t = -0.11$ dan $p > 0.05$). Oleh itu, hipotesis *Ho 1(d)* diterima. Ini menunjukkan bahawa *tidak terdapat perbezaan persepsi* terhadap stail kepemimpinan bagi dimensi *berorientasikan pencapaian* di kalangan guru lelaki dan perempuan.

Seterusnya, bacaan dimensi secara keseluruhan untuk hipotesis *Ho 1* menunjukkan bahawa *tidak terdapat perbezaan persepsi yang signifikan* di antara guru lelaki dan perempuan (nilai $t = 1.46$ dan $p > 0.05$). Ini menjelaskan bahawa *tidak terdapat perbezaan persepsi* di kalangan guru lelaki dan perempuan berdasarkan keseluruhan

dimensi *menyokong, mengarah, penyertaan dan berorientasikan pencapaian*. Ini bermakna *tidak terdapat perbezaan persepsi* terhadap stail kepemimpinan pengetua berdasarkan dimensi *mengarah, penyertaan, dan berorientasikan pencapaian* di antara guru lelaki dan guru perempuan.

Jadual 4.3 : Analisis Ujian - t Berdasarkan Perbezaan Persepsi Terhadap Stail Kepemimpinan Pengetua Mengikut Jantina

Dimensi	Bil.	Min	Sisihan Piawai	Nilai-t	p
Menyokong - Lelaki	61	39.18	6.51	2.11	0.036
- Perempuan	79	36.66	7.35		
Mengarah - Lelaki	61	30.93	4.53	- 0.74	0.463
- Perempuan	79	31.53	4.93		
Penyertaan - Lelaki	61	36.25	4.84	1.91	0.06
- Perempuan	79	34.62	5.13		
Orientasi Pencapaian - Lelaki	61	40.46	4.45	- 0.11	0.911
- Perempuan	79	40.54	4.52		
Keseluruhan - Lelaki	61	146.82	13.57	1.46	0.145
- Perempuan	79	143.36	14.01		

p = Aras Signifikan

b) Perbezaan Persepsi Terhadap Stail Kepemimpinan Pengetua Mengikut Kelulusan Akademik

Bahagian ini merujuk kepada analisis data dengan menggunakan statistik ujian-t. Aras signifikan ditetapkan pada nilai alpha = 0.05. Hipotesis null yang diuji berdasarkan hipotesis induk Ho 2 dan hipotesis kecil Ho 2 (a), Ho 2 (b), Ho 2 (c), dan Ho 2 (d) yang secara terperinci merujuk kepada huriaian Hipotesis Kajian dalam bab 1, perkara 1.6, muka surat 19.

Jadual 4.4 : Analisis Ujian-t Berdasarkan Perbezaan Persepsi Terhadap Stail Kepemimpinan Pengetua Mengikut Kelulusan Akademik

Dimensi	Bil.	Min	Sisihan Piawai	Nilai-t	p
Menyokong - Siswazah	79	37.72	7.38	0.07	0.946
- Bukan Siswazah	61	37.80	6.75		
Mengarah - Siswazah	79	31.72	4.96	- 1.23	0.223
- Bukan Siswazah	61	30.72	4.49		
Penyertaan - Siswazah	79	35.38	5.36	- 0.14	0.892
- Bukan Siswazah	61	35.26	4.65		
Orientasi Pencapaian - Siswazah	79	40.94	4.31	- 1.30	0.197
- Bukan Siswazah	61	39.95	4.65		
Keseluruhan - Siswazah	79	145.77	14.84	- 0.86	0.394
- Bukan Siswazah	61	143.74	12.58		

p = Aras Signifikan

Merujuk kepada Jadual 4.4, di dapati min skor bagi dimensi kepemimpinan *menyokong* untuk guru bukan siswazah ($\text{min} = 37.80$) melebihi min skor guru siswazah ($\text{min} = 37.72$) dengan bacaan nilai yang kecil iaitu sebanyak 0.08. Hasil daripada analisis ujian-t menunjukkan *tidak terdapat perbezaan persepsi yang signifikan* berdasarkan nilai $t = 0.07$ dan $p > 0.05$. Oleh itu, hipotesis *Ho 2 (a) diterima*. Ini menunjukkan bahawa *tidak terdapat perbezaan persepsi* di kalangan guru siswazah dan guru bukan siswazah terhadap stail kepemimpinan pengetua bagi dimensi *menyokong*.

Manakala bagi dimensi kepemimpinan *mengarah, penyertaan, orientasi pencapaian, dan keseluruhan* juga mendapati bahawa analisis ujian-t *tidak terdapat perbezaan persepsi yang signifikan* di kalangan guru siswazah dan guru bukan siswazah. Dimensi kepemimpinan *mengarah* merekod bacaan nilai $t = -1.23$, kepemimpinan *penyertaan* mencatat bacaan nilai $t = -0.14$, kepemimpinan *orientasi pencapaian* mencatat bacaan nilai $t = -1.30$, dan bacaan *keseluruhan* nilai $t = -0.86$. Semua dimensi termasuk dimensi *keseluruhan* merekod nilai $p > 0.05$.

c) Perbezaan Persepsi Terhadap Stail Kepemimpinan Pengetua Mengikut Jawatan

Analisis data bahagian ini juga merujuk kepada statistik ujian-t. Aras signifikan yang ditetapkan juga berdasarkan nilai alpha = 0.05. Hipotesis null yang diuji berlandaskan hipotesis induk *Ho 3* dan hipotesis kecil *Ho 3 (a), Ho 3 (b), Ho 3 (c), dan Ho 3 (d)* seperti yang telah ditetapkan dalam Hipotesis Kajian bab 1, perkara 1.6, muka surat 19 dan 20.

Jadual 4.5 : Analisis Ujian-t Berdasarkan Perbezaan Persepsi Terhadap Stail Kepemimpinan Pengetua Mengikut Jawatan

Dimensi	Bil.	Min	Sisihan Piawai	Nilai-t	p
Menyokong - Guru Penolong	100	37.49	7.11	- 0.70	0.483
- Bidang Pengurusan	40	37.43	7.07		
Mengarah - Guru Penolong	100	31.30	4.77	0.09	0.931
- Bidang Pengurusan	40	31.23	4.82		
Penyertaan - Guru Penolong	100	35.06	4.94	- 1.00	0.321
- Bidang Pengurusan	40	36.00	5.31		
Orientasi Pencapaian - Guru Penolong	100	40.39	4.49	- 0.49	0.626
- Bidang Pengurusan	40	40.80	4.48		
Keseluruhan - Guru Penolong	100	144.24	13.47	- 0.85	0.398
- Bidang Pengurusan	40	146.45	14.91		

p = Aras Signifikan

Merujuk Jadual 4.5, secara keseluruhan dimensi skor min mengikut jawatan tidak menunjukkan perbezaan yang ketara. Misalnya, perbezaan min untuk dimensi kepemimpinan *menyokong* mengikut jawatan guru penolong dan guru yang terlibat dalam bidang pengurusan hanya 0.06. Min skor untuk guru penolong adalah 37.49 dan min skor untuk bidang pengurusan sebanyak 37.43.

Bacaan nilai ujian-t dalam semua dimensi untuk hipotesis H_0 3 di dapati bahawa *tidak terdapat perbezaan persepsi yang signifikan* di kalangan guru penolong dan guru yang berjawatan dalam bidang pengurusan. Dimensi kepemimpinan *menyokong, mengarah, penyertaan, berorientasikan pencapaian, dan dimensi keseluruhan* masing-masing merekod bacaan nilai ujian-t sebanyak - 0.70, 0.09, - 1.00, - 0.49, dan - 0.85. Manakala keseluruhan nilai $p > 0.05$. Oleh itu, keseluruhan *hipotesis H_0 3 diterima*. Ini menunjukkan bahawa *tidak terdapat perbezaan persepsi* di kalangan guru penolong dan guru yang terlibat dalam bidang pengurusan terhadap stail kepemimpinan pengetua mengikut *jawatan*.

d) Perbezaan Persepsi Terhadap Stail Kepemimpinan Pengetua Mengikut Peringkat Umur

Data untuk persepsi guru-guru terhadap stail kepemimpinan pengetua mengikut peringkat umur dianalisis dengan menggunakan *analisis varian sehala (ANOVA)*. Aras signifikanan ditetapkan pada nilai alpha = 0.05. Hipotesis null yang diuji berdasarkan hipotesis induk H_0 4 dan hipotesis kecil H_0 4 (a), H_0 4 (b), H_0 4 (c), dan H_0 4 (d) yang secara terperinci merujuk kepada huraian Hipotesis Kajian dalam bab 1, perkara 1.6, muka surat 20 dan 21. Hasil rekod bacaan data ANOVA ditunjukkan dalam Jadual 4.6. Pembahagian umur dibahagi kepada tiga peringkat iaitu umur di bawah 25 tahun, antara 25 hingga 30 tahun dan melebihi 30 tahun.

Jadual 4.6 : Analisis ANOVA Berdasarkan Perbezaan Persepsi Terhadap Stail Kepemimpinan Pengetua Mengikut Peringkat umur

Punca Variasi	Darjah Kebebasan	Jumlah Kuasadua (χ^2)	Min Kuasadua (χ^2)	Nilai F (ANOVA)	p
Menyokong - Antara kumpulan - Dalam Kumpulan - Jumlah	2 137 139	71.97 6907.77 6979.74	35.98 50.42	0.71	0.49
Mengarah - Antara Kumpulan - Dalam Kumpulan - Jumlah	2 136 138	10.02 3126.04 3136.06	5.01 22.99	0.22	0.80
Penyertaan - Antara Kumpulan - Dalam Kumpulan - Jumlah	2 137 139	8.52 3534.37 3542.89	4.26 25.80	0.17	0.85
Orientasi Pencapaian - Antara Kumpulan - Dalam Kumpulan - Jumlah	2 137 139	4.64 2776.35 2780.99	2.32 20.67	0.11	0.89
Keseluruhan - Antara Kumpulan - Dalam Kumpulan - Jumlah	2 136 138	33.06 26551.86 26584.92	16.53 195.23	0.085	0.92

p = Aras Signifikan

Jadual 4.6, menunjukkan analisis ANOVA tentang persepsi guru berdasarkan stail kepemimpinan pengetua mengikut peringkat umur. Dapatan kajian menunjukkan *tidak terdapat perbezaan persepsi* berdasarkan dimensi *menyokong, mengarah, penyertaan, dan berorientasikan pencapaian* (nilai $F = 0.085$ dan $p > 0.05$) mengikut peringkat *umur* guru. Oleh itu, keseluruhan hipotesis H_0 4 diterima. Ini bermakna *persepsi guru* terhadap stail kepemimpinan pengetua adalah *hampir sama* bagi guru yang terdiri daripada peringkat *umur yang berbeza*.

e) Perbezaan Persepsi Terhadap Stail Kepemimpinan Pengetua Mengikut Pengalaman Mengajar

Analisis Varian Sehala (ANOVA) digunakan untuk menganalisis persepsi guru-guru terhadap stail kepemimpinan pengetua mengikut pengalaman mengajar. Aras signifikanan ditetapkan pada nilai alpha = 0.05. Hipotesis null yang diuji berdasarkan hipotesis induk H_0 5 dan hipotesis kecil H_0 5 (a), H_0 5 (b), H_0 5 (c), dan H_0 5 (d) yang secara terperinci merujuk kepada huraian Hipotesis Kajian dalam bab 1, perkara 1.6, muka surat 21. Hasil kutipan data ANOVA ditunjukkan dalam Jadual 4.7. Analisis pengalaman mengajar dibahagi kepada tiga peringkat pengalaman iaitu kurang dari 1 tahun, 1 hingga 5 tahun, dan melebihi 5 tahun.

Jadual 4.7 : Analisis ANOVA Berdasarkan Perbezaan Persepsi Terhadap Stail Kepemimpinan Pengetua Mengikut Pengalaman Mengajar

Punca Variasi	Darjah Kebebasan	Jumlah Kuasadua χ^2	Min Kuasadua χ^2	Nilai F (ANOVA)	p
Menyokong					
- Antara kumpulan	2	105.91	52.95	1.06	0.35
- Dalam Kumpulan	137	6873.84	50.17		
- Jumlah	139	6979.74			
Mengarah					
- Antara Kumpulan	2	6.65	3.33	0.14	0.87
- Dalam Kumpulan	136	3129.40	23.01		
- Jumlah	138	3136.06			
Penyertaan					
- Antara Kumpulan	2	0.87	0.43	0.02	0.98
- Dalam Kumpulan	137	3542.02	25.85		
- Jumlah	139	3542.89			
Orientasi Pencapaian					
- Antara Kumpulan	2	8.76	4.38	0.22	0.81
- Dalam Kumpulan	137	2772.24	20.24		
- Jumlah	139	2780.99			
Keseluruhan					
- Antara Kumpulan	2	87.06	43.53	0.22	0.80
- Dalam Kumpulan	136	26497.87	194.84		
- Jumlah	138	26584.92			

p = Aras Sigfinikan

Jadual 4.7, menunjukkan analisis ANOVA tentang persepsi guru berdasarkan stail kepemimpinan pengetua mengikut pengalaman mengajar. Dapatan kajian menunjukkan *tidak terdapat perbezaan persepsi* berdasarkan dimensi *menyokong, mengarah, penyertaan, dan berorientasikan pencapaian* (nilai $F = 0.22$ dan $p > 0.05$) mengikut *pengalaman* guru mengajar. Oleh itu, keseluruhan hipotesis H_0 *diterima*. Ini bermakna *persepsi guru* terhadap stail kepemimpinan pengetua adalah *hampir sama* bagi guru yang terdiri daripada *pengalaman mengajar yang berbeza*.